

Pulau Pinang minta Kerajaan Pusat bina lebih banyak rumah mampu milik

BH ONLINE | Selasa, 1 Oktober 2019 | 3:42pm



EXCO Perumahan, Perancangan Bandar dan Desa negeri, Jagdeep Singh Deo pada sidang media berhubung isu perumahan, di Georgetown, hari ini. - Foto Shahnaz Fazlie Shahrizal

GEORGETOWN: Kerajaan Pulau Pinang mahu projek perumahan mampu milik khususnya bagi rumah kos rendah dan sederhana rendah terus dibina oleh Kerajaan Pusat bagi memastikan rakyat dapat memiliki kediaman sendiri.

EXCO Perumahan, Perancangan Bandar dan Desa negeri, Jagdeep Singh Deo, berkata perkara itu adalah antara permintaan yang diharapkan menjelang pembentangan Belanjawan 2020 yang akan pada 11 Oktober ini.

Jagdeep berkata, beliau juga berharap Bank Negara dapat meneliti semula polisi pinjaman perumahan bagi memudahkan proses rakyat berpendapatan rendah untuk memiliki rumah.

“Menjelang Belanjawan 2020 kita mempunyai dua permintaan terhadap Kerajaan Pusat iaitu dengan membawa masuk projek perumahan mampu milik tidak kira kos rendah mahupun sederhana rendah ke negeri ini dan negeri-negeri lain.

“Kedua adalah meminta Bank Negara meneliti polisi pinjaman perumahan untuk mereka yang berpendapatan rendah, yang mana sekarang didapati banyak pinjaman dari golongan itu untuk membeli rumah mampu milik ditolak dengan alasan ia berisiko tinggi,” katanya pada sidang media berhubung isu perumahan, di sini, hari ini.

Jagdeep berkata, sehingga kini pihaknya masih tidak melihat projek perumahan mampu milik yang dibina oleh Kerajaan Pusat di negeri ini.

“Projek-projek ini semuanya dibina dan sedang dibina oleh kerajaan negeri serta agensi perumahan swasta dan kita berharap pada Belanjawan 2020 Kerajaan Pusat dapat